

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 39 TAHUN 2005

**PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN
ATENDAN HAIWAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk menjumudkan skim perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya struktur perkhidmatan veterinar disusun semula bagi memantapkan mutu perkhidmatan veterinar selaras dengan hasrat untuk menjadikan sektor pertanian sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan itu, struktur empat lapisan yang sedia ada tidak lagi sesuai dipraktikkan dan tugas serta tanggungjawab perkhidmatan peringkat kumpulan sokongan perlu dimantapkan dengan sumber manusia yang berkelayakan dan berkemahiran. Selaras dengan keputusan tersebut, skim perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12 dijumudkan dan fungsi perkhidmatannya digabungkan di bawah perkhidmatan Pembantu Veterinar sedia ada.

PELAKSANAAN

3. Berikutan penjumudan skim perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12, pegawai yang terlibat akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26. Salinan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26 adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut serta penghuraian tugasnya adalah seperti di **Lampiran B** dan **C**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26 seperti di **Lampiran D, D1, D2**.

4. Atendan Haiwan Gred G1, G12 yang dilantik secara tetap layak ditukar lantik ke Gred G17 skim perkhidmatan Pembantu Veterinar mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-

- (a) memiliki kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat sijil tersebut; atau
- (b) memiliki kelayakan di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman dalam perkhidmatan Atendan Haiwan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan; atau
- (c) tamat Darjah Enam (6) sekolah rendah bantuan penuh kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam perkhidmatan Atendan Haiwan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan; atau

- (d) tamat Darjah Enam (6) sekolah rendah bantuan penuh kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman dalam perkhidmatan Atendan Haiwan dan lulus peperiksaan khas yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

5. Atendan Haiwan Gred G1, G12 yang belum memenuhi syarat seperti di perenggan 4 di atas akan dikekalkan dalam gred asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Jadual Gaji Matriks mereka adalah seperti di **Lampiran E, E1**. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan dalam skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

6. Mulai tarikh kuat kuasa pekeliling ini semua lantikan sebagai Atendan Haiwan tidak lagi boleh dilaksanakan. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pembantu Veterinar Gred G17 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Atendan Haiwan Gred G1, G12 yang terlibat dengan urusan pertukaran pelantikan ini.

7. Berikutnya itu, peruntukan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) Atendan Haiwan dalam skim-skim perkhidmatan yang berkaitan turut dimansuhkan. Skim-skim perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (a) Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24;
- (b) Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14;
- (c) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, N14;
- (d) Operator Wayarles Gred N11, N14;
- (e) Pengawal Keselamatan Gred KP11, KP14;
- (f) Penghantar Notis Gred N3, N12;
- (g) Bentara Parlimen Gred N3, N12;
- (h) Penyelia Jeti Gred N3, N12; dan

- (i) Pembantu Kamera/ Pemandu Gred N3, N12.

Pindaan syarat KPSL skim-skim perkhidmatan tersebut seperti di **Lampiran F** hingga **F8**.

PEMBERIAN OPSYEN

8. Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

9. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang.

10. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

11. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;

- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

12. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

13. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 11, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

14. Bagi maksud pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran G, G1, G2**. Sementara itu surat tawaran opsyen bagi pegawai yang belum layak seperti di perenggan 4(b), (c) dan (d) adalah seperti di **Lampiran H, H1, H2**.

15. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

16. Kaedah penetapan gaji permulaan pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12 ditetapkan dari gred asal ke Gred G17 skim perkhidmatan Pembantu Veterinar seperti berikut:

- (a) Atendan Haiwan Gred G1 yang belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 4 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1);

- (b) Atendan Haiwan Gred G1 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 4 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal;
- (c) Atendan Haiwan Gred G12 yang memenuhi syarat yang ditetapkan di perenggan 4 hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred asal;
- (d) Atendan Haiwan Gred G1, G12 yang berkelayakan SRP/ PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum memenuhi syarat sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Haiwan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam gred dan skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkaitan di Peringkat 1 (P1) sehari selepas memenuhi syarat genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan;
- (e) Atendan Haiwan Gred G1, G12 yang berkelayakan Darjah 6 dan belum memenuhi syarat sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam perkhidmatan Atendan Haiwan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam gred dan skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkaitan di Peringkat 1 (P1) sehari selepas memenuhi syarat sama ada genap 15 tahun tempoh perkhidmatan atau genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan serta lulus peperiksaan khas.

17. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran I** hingga **I4** .

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

18. Pergerakan gaji tahunan gred asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan, hendaklah diberi di gred baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

19. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pertukaran pelantikan ini. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya. Bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan, TPG baru bagi tahun berikutnya berubah kepada 1 Januari selepas pegawai ditukar lantik ke Gred G17 skim perkhidmatan Pembantu Veterinar.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

20. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menyampaikan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemaskini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
 - (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.
- (c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**
- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;
 - (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
 - (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.

PEMBATALAN


22. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Atendan Haiwan yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini.

PEMAKAIAN

23. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRITSMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU VETERINAR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERTANIAN
JEMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2004

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred G17	: P1T1	RM659.93	-	P1T24	RM1724.73
	P2T1	RM701.07	-	P2T24	RM1821.53
	P3T1	RM743.42	-	P3T24	RM1921.96
Gred G22	: P1T1	RM1535.97	-	P1T12	RM2274.07
	P2T1	RM1649.71	-	P2T12	RM2511.23
Gred G26	: P1T1	RM1761.03	-	P1T9	RM2390.23
	P2T1	RM1929.22	-	P2T9	RM2616.50

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau
(ii) Sijil Veterinar daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17:P1T8).
- dan
- lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- TENTAPAN GAJI
PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Pembantu Veterinar Gred G17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Pembantu Veterinar boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pembantu Veterinar Gred G17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Veterinar Gred G17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pembantu Veterinar hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G22**

9. Pembantu Veterinar Gred G17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED G26**

10. Pembantu Veterinar Gred G22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Veterinar Gred G26 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
VETERINAR**

11. Pembantu Veterinar yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Veterinar Gred G27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].

LAMPIRAN B

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pembantu Veterinar
(b) Kementerian/Jabatan : -
(c) Kumpulan : Sokongan
Perkhidmatan
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Pertanian
Perkhidmatan

2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred G17	:	P1T1 RM659.93	-	P1T24 RM1724.73
		P2T1 RM701.07		- P2T24 RM1821.53
		P3T1 RM743.42		- P3T24 RM1921.96
Gred G22	:	P1T1 RM1535.97	-	P1T12 RM2274.07
		P2T1 RM1649.71		- P2T12 RM2511.23
Gred G26	:	P1T1 RM1761.03	-	P1T9 RM2390.23
		P2T1 RM1929.22		- P2T9 RM2616.50

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17:P1T1).
(ii) Sijil Veterinar daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8).

dan (d) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Veterinar adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

PENGHURAIAN TUGAS PEMBANTU VETERINAR

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Veterinar Gred G17,G22, G26

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Sarawak.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan haiwan dan penguatkuasaan di peringkat Kumpulan Sokongan dan melaksanakan kerja-kerja di Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT), pengurusan kesihatan haiwan, pengurusan kesuburan haiwan, pemeriksaan di pusat kuarantin haiwan, pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* di abatoir dan loji pemprosesan, memberi khidmat nasihat mengenai usaha ternakan, penguatkuasaan undang-undang veterinar, pengumpulan data haiwan dan penyediaan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan yang ditentukan dari semasa ke semasa.

4. BIDANG TUGAS

Secara amnya bidang tugas Pembantu Veterinar adalah berbeza mengikut lokasi penempatan mereka bertugas dan adalah seperti berikut:-

4.1 Bidang Tugas Pembantu Veterinar Gred G26 dan G22

4.1.1 Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT)

- (a) Penyeliaan dan pelaksanaan kerja-kerja berkaitan dengan ujian mutu susu seperti ujian alkohol, *Solid Non-Fat (SNF)*, ketumpatan bandingan susu, ujian kandungan lemak susu, *Methylene Blue Reduction Test*;

- (b) Penyeliaan kerja-kerja sanitasi dan kebersihan loji susu, peralatan *chiller* dan *cooler*, tangki susu, tong susu, lantai dan kawasan loji;
- (c) Pengaturan pemasaran susu di PPIT ke kilang dan pemrosesan susu untuk jualan tempatan;
- (d) Mengawalselia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;
- (e) Penyediaan laporan dan pengemaskinian rekod; dan
- (f) Penyeliaan kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.2 Ladang Ternakan Jabatan

- (a) Mengumpul data dan mengemaskini maklumat untuk analisis oleh pihak atasan bagi perancangan pengeluaran dan penambahbaikan genetik;
- (b) Melaksanakan program penambahbaikan genetik seperti rancangan peranakan beradas, pengesanan/penyelarasan berahi yang terancang (*synchronization of heat*) dan pemeriksaan libido;
- (c) Menyelia program penyuntikan pelalian terhadap penyakit semasa wabak atau sebagai aktiviti rutin mengikut program yang terancang;
- (d) Mengawal selia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;
- (e) Mengawalselia penyediaan laporan dan pengemaskinian rekod; dan
- (f) Menyelia kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.3 Kuarantin Haiwan

- (a) Menyelia pemeriksaan dokumentasi di pintu-pintu masuk negara seperti sijil kesihatan, sijil eksport, permit import dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan pengimportan atau pengeksporan barangan asal haiwan;
- (b) Mengawalselia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;

- (c) Penyediaan laporan dan pengemaskinian rekod; dan
- (d) Penyeliaan kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.4 Pejabat Haiwan Daerah

- (a) Memberi khidmat nasihat dan aspek amalan penternakan yang baik;
- (b) Menyediakan draf pelbagai laporan teknikal secara berkala;
- (c) Mengawalselia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;
- (d) Memastikan rekod dikemaskini dan disimpan dengan teratur; dan
- (e) Menyelia kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.5 Pusat Latihan Jabatan

- (a) Menyediakan draf jadual kursus tahunan untuk kakitangan jabatan dan penternak;
- (b) Mengumpul data dan pengemaskinian maklumat untuk analisis oleh pihak atasan bagi perancangan latihan dan penambahbaikan kursus;
- (c) Mengawalselia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;
- (d) Menyediakan draf laporan keberkesanan kursus secara berkala;
- (e) Memastikan rekod dikemaskini dan disimpan dengan teratur; dan
- (f) Menyelia kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.6 Abatoir Jabatan

- (a) Menyelia pemeriksaan *ante-mortem* sebelum penyembelihan dan pemeriksaan daging selepas penyembelihan;
- (b) Menyelia kerja-kerja sanitasi dan kebersihan abatoir, peralatan *chiller* dan *cooler*, lantai dan kawasan abatoir;

- (c) Mengawalselia pembuangan sisa di abatoir jabatan;
- (d) Mengawalselia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;
- (e) Menyediakan laporan penyembelihan secara berkala; dan
- (f) Menyelia kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.7 Abatoir Dan Loji Pemprosesan Milik Swasta

- (a) Menyelia pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem*;
- (b) Menyelaras pengambilan dan penghantaran sampel untuk pemantauan kebersihan dan kadar pencemaran dan kualiti produk di abatoir atau loji pemprosesan;
- (c) Mengawalselia pembuangan sisa di abatoir atau loji pemprosesan;
- (d) Memantau tahap keakuratan peraturan dalam pensijilan *Veterinary Health Mark (VHM)* dan amalan pembuatan yang baik (*Good Manufacturing Practice*);
- (e) Menyediakan laporan pemeriksaan loji secara berkala; dan
- (f) Mewujudkan jaringan kerjasama dengan pemilik loji pemprosesan dengan jabatan.

4.1.8 Zon Pengeluaran Ternakan

- (a) Memberi khidmat nasihat kepada penternak mengenai amalan penternakan yang baik;
- (b) Menyediakan maklumat asas untuk kertas kerja projek penternakan bagi maksud mendapatkan pembiayaan;
- (c) Mengumpul data dan mengemaskini maklumat untuk analisis oleh pihak atasan bagi perancangan strategi pemasaran dan pengeluaran;
- (d) Melaksanakan program penambahbaikan genetik seperti rancangan pernian beradas, pengesanan/penyelarasan berahi yang terancang (*synchronization of heat*) dan pemeriksaan libido;

- (e) Mewujudkan jaringan kerjasama dengan pemilik ladang komersil dan ladang projek integrasi ternakan;
- (f) Mengawalselia penyelenggaraan kenderaan, peralatan dan kemudahan pejabat;
- (g) Memastikan rekod dikemaskini dan disimpan dengan teratur; dan
- (h) Menyelia kakitangan di bawah pengawasan pegawai.

4.1.9 Penguatkuasaan Undang-Undang Veterinar

- (a) Penerangan kepada orang awam mengenai langkah-langkah kawalan penyakit.

4.2 Bidang Tugas Pembantu Veterinar Gred G 17

4.2.1 Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT)

- (a) Menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan ujian mutu susu seperti ujian alkohol, *Solid Non-Fat (SNF)*, ketumpatan bandingan susu, ujian kandungan lemak susu, *Methylene Blue Reduction Test*.
- (b) Penyelenggaraan peralatan susu seperti *milk line vacuum, compressor, milking cluster* dan *milking parlour*;
- (c) Menjalankan kerja-kerja sanitasi dan kebersihan loji susu, peralatan *chiller* dan *cooler*, tangki susu, tong susu, lantai dan kawasan loji; dan
- (d) Mengemaskini maklumat dan penyimpanan rekod.

4.2.2 Ladang Ternakan Jabatan

- (a) Membuat pemeriksaan fizikal dan pengiraan ternakan yang dipelihara dalam ladang;
- (b) Merawat ternakan yang sakit;
- (c) Menjalankan penyuntikan pelalian terhadap penyakit semasa wabak atau sebagai aktiviti rutin mengikut program yang terancang;

- (d) Membuat pemeriksaan tahap kesuburan dan kebuntingan ternakan; dan
- (e) Mengemaskini maklumat dan penyimpanan rekod.

4.2.3 Kuarantin Haiwan

- (a) Membuat pemeriksaan fizikal harian terhadap ternakan yang dipelihara dalam kuarantin dan barangan asal haiwan di pintu masuk dan barangan yang dibawa keluar negara;
- (b) Memberi rawatan kepada ternakan yang sakit;
- (c) Membuat pemeriksaan dokumentasi di pintu-pintu masuk negara seperti sijil kesihatan, sijil eksport, permit import dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan pengimportan atau pengeksportan barangan asal haiwan; dan
- (d) Menjalankan program pembasmian kuman dan aktiviti nyah jangkitan ke atas premis dan persekitaran kuarantin.

4.2.4 Pejabat Haiwan Daerah

- (a) Menjalankan penyuntikan pelalian terhadap penyakit ternakan semasa wabak atau sebagai aktiviti rutin mengikut program yang terancang;
- (b) Melaksanakan pengambilan dan penghantaran sampel untuk ujian makmal; dan
- (c) Memberi perkhidmatan teknikal dalam aspek amalan perubatan veterinar di lapangan dan klinik haiwan di bawah pengawasan Pegawai Veterinar (Doktor Veterinar Berdaftar);
- (d) Mengutip hasil kerajaan dari perkhidmatan yang dibekalkan; dan
- (e) Mengemaskini maklumat dan menyimpan rekod.

4.2.5 Pusat Latihan Jabatan

- (a) Membantu dalam pelaksanaan latihan berbentuk *hands-on* dan kursus kepada usahawan dan kakitangan Jabatan;
- (b) Mengemaskini maklumat dan menyimpan rekod; dan
- (c) Mengutip hasil kerajaan dari perkhidmatan yang dibekalkan.

4.2.6 Abatoir Jabatan

- (a) Menjalankan pemeriksaan *ante-mortem* sebelum penyembelihan dan pemeriksaan daging selepas penyembelihan;
- (b) Membuat penyampelan tisu dan cecairan tubuh untuk ujian makmal dan pengesahan kehadiran dadah veterinar;
- (c) Menjalankan kerja-kerja sanitasi dan kebersihan abatoir, peralatan *chiller* dan *cooler*, lantai dan kawasan abatoir;
- (d) Mengemaskini maklumat dan menyimpan rekod; dan
- (e) Mengutip hasil kerajaan dari perkhidmatan yang dibekalkan.

4.2.7 Abatoir Dan Loji Pemprosesan Milik Swasta

- (a) Membantu pemeriksaan karkas atau produk hasil ternakan;
- (b) Mengambil dan menghantar sampel untuk pemantauan tahap kebersihan loji, kadar pencemaran dan kualiti produk;
- (c) Membantu pelaksanaan audit tahap keakuratan kepada peraturan dalam pensijilan *Veterinary Health Mark (VHM)* dan amalan pembuatan yang baik (*Good Manufacturing Practice*); dan
- (d) Membantu penyediaan laporan pemeriksaan loji secara berkala.

4.2.8 Zon Pengeluaran Ternakan

- (a) Memberi perkhidmatan teknikal dan amalan perubatan veterinar dibawah pengawasan Pegawai Veterinar (Doktor Veterinar Berdaftar) kepada penternak dan pemilik haiwan;
- (b) Membantu dalam pelaksanaan latihan berbentuk *hands-on* di lapangan kepada usahawan dalam bidang penternakan;
- (c) Membuat pemeriksaan tahap kesuburan dan kebuntingan ternakan;
- (d) Menyelia kerja-kerja pembangunan kawasan penanaman pastura dan foder dan kawasan integrasi ternakan dalam perladangan; dan
- (e) Mengemaskini maklumat dan menyimpan rekod.

4.2.9 Penguatkuasaan Undang-Undang Veterinar

- (a) Menjalankan penyingkiran ternakan yang sakit atau yang dijangkiti;
- (b) Menjalankan penyahjangkitan premis dalam program kawalan penyakit;
- (c) Membantu dalam pemeriksaan ladang ternakan bagi mengesan jangkitan penyakit ternakan; dan
- (d) Mengambil sampel untuk ujian makmal.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Luaran

- (i) Orang awam.
- (ii) Penternak tradisional.
- (iii) Pengusaha ternakan komersial.
- (iv) Syarikat swasta.
- (v) Jabatan/agensi kerajaan yang lain.
- (vi) Peniaga ternakan/hasil ternakan.
- (vii) Pemilik loji/abatoir swasta.

5.2 Dalaman

- (i) Rakan sekerja di pejabat/unit/bahagian yang sama.
- (ii) Pegawai dan kakitangan dalam organisasi yang sama.

6. PERSEKITARAN KERJA

6.1 Dalam Pejabat/Permis

- (i) Kawasan pejabat.
- (ii) Kawasan ladang.
- (iii) Pusat latihan.
- (iv) Kawasan loji.

6.2 Luar Pejabat

- (i) Ladang penternak.
- (ii) Abatoir dan loji swasta.

- (iii) Kawasan rumah pelanggan (penternak, pengusaha dan lain-lain).

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal dalam amalan perubatan veterinar, amalan penternakan yang baik, kesejahteraan dan kebajikan haiwan, keselamatan produk ternakan dan peraturan dan undang-undang veterinar.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- (i) Berminat dengan bidang haiwan.
- (ii) Kasih sayang terhadap haiwan.
- (iii) Tahan lasak untuk kerja lapangan.
- (iv) Bersih, cekap dan amanah.
- (v) Jujur.
- (vi) Bertanggungjawab.
- (vii) Kemahiran berkomunikasi.

9. ANCAMAN/BAHAYA

- (i) Terdedah kepada bahaya penyakit berjangkit (zoonotik).
- (ii) Terdedah kepada kecederaan diri semasa mengendalikan haiwan.
- (iii) Penyelewengan semasa kerja.
- (iv) Kepentingan diri.
- (v) Terdedah pada unsur rasuah.

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : G17 (PEMBANTU VETERINAR)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA17000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI SSM : G17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	659.93	699.86	739.79	779.72	819.65	859.58	899.51	939.44	979.37	1019.30	1059.23	1099.16	1139.09	1192.33	1245.57	1298.81	1352.05	1405.29	1458.53	1511.77	1565.01	1618.25	1671.49	1724.73
P2	701.07	742.21	783.35	824.49	865.63	906.77	947.91	989.05	1030.19	1071.33	1112.47	1153.61	1209.27	1264.93	1320.59	1376.25	1431.91	1487.57	1543.23	1598.89	1654.55	1710.21	1765.87	1821.53
P3	743.42	785.77	828.12	870.47	912.82	955.17	997.52	1039.87	1082.22	1124.57	1166.92	1225.00	1283.08	1341.16	1399.24	1457.32	1515.40	1573.48	1631.56	1689.64	1747.72	1805.80	1863.88	1921.96

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : G22 (PEMBANTU VETERINAR)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA22000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI SSM : G22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12
P1	1535.97	1589.21	1642.45	1695.69	1748.93	1802.17	1880.82	1959.47	2038.12	2116.77	2195.42	2274.07
P2	1649.71	1707.79	1765.87	1823.95	1909.86	1995.77	2081.68	2167.59	2253.50	2339.41	2425.32	2511.23

JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : G26 (PEMBANTU VETERINAR)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA26000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI SSM : G26

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	1761.03	1839.68	1918.33	1996.98	2075.63	2154.28	2232.93	2311.58	2390.23
P2	1929.22	2015.13	2101.04	2186.95	2272.86	2358.77	2444.68	2530.59	2616.50

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : G1

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA01000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : G1

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	513.52	543.77	574.02	604.27	634.52	664.77	695.02	725.27	755.52	785.77	816.02	846.27	876.52	906.77	937.02	967.27	997.52	1027.77	1058.02	1088.27	1118.52
P2	544.98	576.44	607.90	639.36	670.82	702.28	733.74	765.20	796.66	828.12	859.58	891.04	922.50	953.96	985.42	1016.88	1048.34	1079.80	1111.26	1142.72	1174.18
P3	577.65	610.32	642.99	675.66	708.33	741.00	773.67	806.34	839.01	871.68	904.35	937.02	969.69	1002.36	1035.03	1067.70	1100.37	1133.04	1165.71	1198.38	1231.05

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERTANIAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : G12

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : GA12000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : G12

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	544.98	575.23	605.48	635.73	665.98	696.23	736.16	776.09	816.02	855.95	895.88	935.81	975.74	1015.67	1055.60	1095.53	1135.46	1175.39	1215.32	1255.25	1295.18
P2	609.11	641.78	674.45	707.12	749.47	791.82	834.17	876.52	918.87	961.22	1003.57	1045.92	1088.27	1130.62	1172.97	1215.32	1257.67	1300.02	1342.37	1384.72	1427.07

LAMPIRAN F

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred U17	: P1T1	RM690.18	-	P1T17	RM1368.99
	P2T1	RM731.32	-	P2T17	RM1447.64
	P3T1	RM773.67	-	P3T17	RM1529.92
Gred U22	: P1T1	RM984.21	-	P1T14	RM1583.16
	P2T1	RM1067.70	-	P2T14	RM1744.09
Gred U24	: P1T1	RM1545.65	-	P1T12	RM2291.01
	P2T1	RM1659.39	-	P2T12	RM2530.59

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan;

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pembantu Kesihatan Awam boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pembantu Kesihatan Awam hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U22**
10. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24**
11. Pembantu Kesihatan Awam Gred U22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U24 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
KESIHATAN PERSEKITARAN**

12. Pembantu Kesihatan Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005, JPA(S)324/9/44 Klt. 5(25)].

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR MESIN PROSESAN DATA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred F11	:	P1T1	RM548.61	-	P1T21	RM1269.77
		P2T1	RM580.07	-	P2T21	RM1335.11
		P3T1	RM612.74	-	P3T21	RM1401.66
Gred F14	:	P1T1	RM1032.61	-	P1T10	RM1485.15
		P2T1	RM1116.10	-	P2T10	RM1638.82

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;dan
 - kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Operator Mesin Prosesan Data boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**UJIAN KEDERASAN BAGI
MAKSUD MENDAPAT DUA
ATAU EMPAT HADIAH
KENAIKAN GAJI**

8. (a) Operator Mesin Prosesan Data yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak mengambil Ujian Kederasan bagi maksud untuk mendapatkan dua (2) atau empat (4) hadiah kenaikan gaji mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan berdasarkan kederasan yang dicapai yang telah ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

(b) Operator Mesin Prosesan Data yang telah mengambil ujian kederasan dan hanya mencapai kederasan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan bagi mendapat dua (2) hadiah kenaikan gaji sahaja adalah dibenarkan mengulangi ujian bagi mendapat kederasan yang ditetapkan untuk mendapat empat (4) hadiah kenaikan gaji. Mereka yang berjaya layak mendapat dua (2) hadiah kenaikan gaji lagi mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan.

(c) Ujian kederasan ini hendaklah diadakan oleh ketua jabatan/perkhidmatan dua (2) kali setahun. Peraturan-peraturan bagi Ujian Kederasan serta cara pemarkahannya akan ditetapkan oleh Lembaga peperiksaan perkhidmatan Awam.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

10. Operator Mesin Prosesan Data hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F14**

11. Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F14 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER**

12. Operator Mesin Prosesan Data yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer Gred F17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

LAMPIRAN F2

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR WAYARLES**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred N11	:	P1T1	RM525.62	-	P1T22	RM1296.39
		P2T1	RM557.08	-	P2T22	RM1362.94
		P3T1	RM589.75	-	P3T22	RM1430.70
Gred N14	:	P1T1	RM1030.19	-	P1T10	RM1482.73
		P2T1	RM1113.68	-	P2T10	RM1636.40

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Wayarles Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

- | | |
|---|--|
| TEMPOH PERCUBAAN | 4. Operator Wayarles Gred N11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | 5. Operator Wayarles boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan. |
| KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN | 6. Operator Wayarles Gred N11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 7. Operator Wayarles Gred N11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN | 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN | 9. Operator Wayarles hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N14 | 10. Operator Wayarles Gred N11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Wayarles Gred N14 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI) | 11. Operator Wayarles yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. |

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

LAMPIRAN F3

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR RENDAH

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred N11	P1T1	RM525.62	-	P1T22	RM1296.39
	P2T1	RM557.08	-	P2T22	RM1362.94
	P3T1	RM589.75	-	P3T22	RM1430.70
Gred N14	P1T1	RM1030.19	-	P1T10	RM1482.73
	P2T1	RM1113.68	-	P2T10	RM1636.40

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) (i) di atas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah; atau
 - Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2); atau
 - Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2).

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; atau
(iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah; dan
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

UJIAN MASUK

3. (a) Calon di perenggan 1(c) (ii), (iv) dan 2(a) (iii) dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 25 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak lebih dari 4%.
(b) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa:-
(i) Sijil Kecekapan; dan
(ii) Sijil Ujian Laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan 3(a);
(c) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan peringkat pertengahan adalah layak dilantik atas Gred N11: P1T4 dan peringkat tinggi atas Gred N11: P1T6.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pembantu Tadbir Rendah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

7. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan/ yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**UJIAN KEDERASAN BAGI
MAKSUD MENDAPAT DUA
ATAU EMPAT HADIAH
KENAIKAN GAJI**

10. (a) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang dilantik berdasarkan perenggan 1(c) (ii), (iv) dan 2(a) (iii) yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak mengambil Ujian Kederasan bagi maksud hadiah kenaikan gaji mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan berasaskan kederasan yang dicapai pada kali yang pertama:

2 KENAIKAN

- (i) kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 40 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip; dan

4 KENAIKAN

- (ii) kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 45 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 50 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip.

- (b) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang telah mengambil ujian kederasan dan hanya mencapai kederasan mengikut perenggan 10(a) (i) di atas adalah dibenarkan mengulangi ujian bagi mencapai kederasan yang ditetapkan di perenggan 10(a) (ii) pula. Mereka yang layak mendapat dua (2) hadiah kenaikan gaji lagi mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang ke hadapan.

- (c) Ujian Kederasan ini hendaklah diadakan oleh Ketua jabatan/perkhidmatan dua (2) kali setahun. Peraturan-peraturan bagi Ujian Kederasan serta cara pemarkahannya akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

11. Pembantu Tadbir Rendah hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N14**

12. Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N14 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/OPERASI)
ATAU PEMBANTU TADBIR
(KESETIAUSAHAAN)**

13. Pembantu Tadbir Rendah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Pembantu Tadbir Rendah yang dilantik berdasarkan perenggan 1(c) (ii), (iv) dan 2(a) (iii) yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

LAMPIRAN F4

SKIM PERKHIDMATAN
PENGAWAL KESELAMATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred KP11	: P1T1 RM548.61 - P1T21 RM1269.77 P2T1 RM580.07 - P2T21 RM1335.11 P3T1 RM612.74 - P3T21 RM1401.66
Gred KP14	: P1T1 RM1032.61 - P1T10 RM1485.15 P2T1 RM1116.10 - P2T10 RM1638.82

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

dan (e) calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KP11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pengawal Keselamatan Gred KP11 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pengawal Keselamatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pengawal Keselamatan Gred KP11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pengawal Keselamatan Gred KP11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pengawal Keselamatan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KP14**

10. Pengawal Keselamatan Gred KP11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU
KESELAMATAN**

11. Pengawal Keselamatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENGHANTAR NOTIS**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred N3	: P1T1 RM525.62	- P1T18 RM1136.67
	P2T1 RM557.08	- P2T18 RM1198.38
	P3T1 RM589.75	- P3T18 RM1261.30
Gred N12	: P1T1 RM525.62	- P1T22 RM1296.39
	P2T1 RM589.75	- P2T22 RM1430.70

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

1. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghantar Notis Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - (ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2); atau
 - (iii) lulus Peperiksaan Khas;
- (b) mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Penghantar Notis Gred N3 yang dilantik secara kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Penghantar Notis boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Penghantar Notis Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Penghantar Notis Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Penghantar Notis hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N12**

9. Penghantar Notis Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghantar Notis Gred N12 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR
RENDAH**

10. Penghantar Notis yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

**SKIM PERKHIDMATAN
BENTARA PARLIMEN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred N3	: P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM557.08 - P2T18 RM1198.38 P3T1 RM589.75 - P3T18 RM1261.30
Gred N12	: P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM589.75 - P2T22 RM1430.70

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; atau
(ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2).
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Bentara Parlimen Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Bentara Parlimen Gred N3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Bentara Parlimen boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
6. Bentara Parlimen Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Bentara Parlimen Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Bentara Parlimen hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12**
10. Bentara Parlimen Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Bentara Parlimen Gred N12 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR
RENDAH**

11. Bentara Parlimen yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PENYELIA JETI**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred N3	: P1T1 RM525.62 - P1T18 RM1136.67 P2T1 RM557.08 - P2T18 RM1198.38 P3T1 RM589.75 - P3T18 RM1261.30
Gred N12	: P1T1 RM525.62 - P1T22 RM1296.39 P2T1 RM589.75 - P2T22 RM1430.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2).

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penyelia Jeti Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penyelia Jeti Gred N3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penyelia Jeti boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Penyelia Jeti Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Penyelia Jeti Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penyelia Jeti hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12**
10. Penyelia Jeti Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penyelia Jeti Gred N12 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH**
11. Penyelia Jeti yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KAMERA/PEMANDU**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred N3	:	P1T1	RM525.62	-	P1T18	RM1136.67
		P2T1	RM557.08	-	P2T18	RM1198.38
		P3T1	RM589.75	-	P3T18	RM1261.30
Gred N12	:	P1T1	RM525.62	-	P1T22	RM1296.39
		P2T1	RM589.75	-	P2T22	RM1430.70

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(iii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1T2); dan
 - (d) memiliki lesen memandu kelas D atau E2 atau E1 atau E yang sah dan tanpa catatan kesalahan oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman memandu selepas memiliki lesen tersebut selama tidak kurang dari 1 tahun [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)].

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) memenuhi syarat di perenggan 1(d) di atas;
- (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pembantu Kamera/Pemandu boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pembantu Kamera/Pemandu hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N12**

10. Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kamera/Pemandu Gred N12 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2004 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2003, JPA(S)324/9/30 Klt. 2 (16)].

LAMPIRAN G

TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERTANIAN

(Untuk Pegawai Tetap Yang Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan)

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

.....

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....

.....

Tuan/Puan,

Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian, Di (Nama Agensi)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menjumudkan skim perkhidmatan Atendan Haiwan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian (G) dengan menerima gaji P... T.... sebanyak RM sebulan atas Gred G17 mulai 1 Januari 2006.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran G1** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 39 Tahun 2005. Tuan/puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran G2** seperti berikut dan jawatan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di **Lampiran G2**; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di **Lampiran G2**, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

LAMPIRAN G1

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR (Untuk Pegawai Tetap Yang Telah Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan)

1. Kerajaan telah memutuskan untuk menjumudkan skim **OPSYEN** perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12. Dengan keputusan itu tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian ataupun jika menolak akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**

5. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred asal di Peringkat 1 (P1). Tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa gred asal. **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
6. Pergerakan gaji tahunan gred asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/puan dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan, akan diberi di gred baru. **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan pada tahun berikutnya berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
8. Tuan/Puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam jawatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan faedah persaraan, tuan/puan hendaklah disahkan dalam jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**

yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.

10. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **KEKANANAN**
11. Jika tuan/puan belum disahkan dalam jawatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **OPSYEN SKIM KWSP**
12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN
DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/puan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF
BERPENCEN**
14. Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
15. Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua perkhidmatan/ketua jabatan. **PENEMPATAN**
16. Ketua perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **KETUA
PERKHIDMATAN**

17. Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
18. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
19. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**. **TARIKH KUAT KUASA**
20. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

BORANG OPSYEN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian Di (Nama Agensi)

Berhubung dengan surat tuan bil. bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

- * (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Atendan Haiwan di (Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P..T.. sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji G17.

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Atendan Haiwan di (Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred dan skim perkhidmatan asal.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI**
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN H

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERTANIAN
(Untuk Pegawai Tetap Yang Belum Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan)**

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :
.....

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan/Puan,

Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian, Di (Nama Agensi)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menjumudkan skim perkhidmatan Atendan Haiwan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian (G) yang akan berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat yang

ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 39 Tahun 2005. Dengan itu tuan/puan adalah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred asal dalam skim perkhidmatan Atendan Haiwan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002) dengan Jadual Gaji Matriks seperti di **Lampiran E, E1** sehingga memenuhi syarat tersebut.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran H1** dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 39 Tahun 2005. Tuan/puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran H2** seperti berikut dan jawatan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di **Lampiran H2**; atau

2.3 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di **Lampiran H2**, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

LAMPIRAN H1

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR (Untuk Pegawai Tetap Yang Belum Memenuhi Syarat Pertukaran Pelantikan)

1. Kerajaan telah memutuskan untuk menjumudkan skim **OPSYEN** perkhidmatan Atendan Haiwan Gred G1, G12. Dengan keputusan itu tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian ataupun jika menolak akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/Puan yang tidak memenuhi syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred asal skim perkhidmatan sedia ada. Tuan/puan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**

4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Gaji tuan/puan hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Gred G17 sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan berdasarkan kaedah berikut:-
- (a) Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1).
- (b) Tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa gred asal.
6. Pergerakan gaji tahunan tuan/puan akan diberi di gred asal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan tuan/puan sehingga layak ditukar lantik. **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan pada tahun berikutnya berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan selepas gaji tuan/puan ditetapkan di Gred G17. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
8. Tuan/Puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam jawatan **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**

asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan faedah persaraan, tuan/puan hendaklah disahkan dalam jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
10. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **KEKANANAN**
11. Jika tuan/puan belum disahkan dalam jawatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. **OPSYEN SKIM KWSP**
12. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
13. Jika tuan/puan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

14. Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
15. Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua perkhidmatan/ketua jabatan. **PENEMPATAN**
16. Ketua perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
17. Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
18. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
19. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat yang ditetapkan. **TARIKH KUAT KUASA**
20. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

BORANG OPSYEN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

Pawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Veterinar Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian Di (Nama Agensi)

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

- (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Atendan Haiwan di (Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian di (Nama Agensi) yang akan berkuat kuasa sehari selepas memenuhi syarat perkhidmatan yang ditetapkan.

ATAU

(U) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Atendan Haiwan di (Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pertanian di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarih dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah uktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya berikan untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred dan skim perkhidmatan asal.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI**
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

-
- Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.
* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN I

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN HAIWAN GRED G1 KEPADA PEMBANTU VETERINAR GRED G17

(Pegawai Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan Tetapi Telah Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan)

Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred G17

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2006
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G1 (RM)	Gaji Baru Gred G17 (RM)	Catatan
31.12.2005	543.77 (P1T2)	-	Gaji akhir di jawatan asal
1.1.2006	543.77 (P1T2)	659.95 (P1T1)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2006	-	699.86 (P1T2)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM
1.1.2007	-	739.79 (P1T3)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia.
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji.

LAMPIRAN I1**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN HAIWAN GRED G1 KEPADA PEMBANTU VETERINAR GRED G17****(Pegawai Telah Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan)**

Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred G17

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2006
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G1 (RM)	Gaji Baru Gred G17 (RM)	Catatan
31.12.2005	695.02 (P1T7)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2006	695.02 (P1T7)	739.79 (P1T3)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.1.2006	-	779.72 (P1T4)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2007	-	819.65 (P1T5)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia.
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji.

LAMPIRAN 12**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI PEGAWAI ATENDAN HAIWAN GRED G12 KEPADA PEMBANTU VETERINAR GRED G17****(Pegawai Telah Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan)**

Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat I (P1) Gred G17

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2006**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G12 (RM)	Gaji Baru Gred G17 (RM)	Catatan
31.12.2005	1045.92 (P2T12)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2006	1045.92 (P2T12)	1099.16 (P1T12)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.10.2006	-	1139.09 (P1T13)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2007	-	1192.33 (P1T14)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia.

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji.

LAMPIRAN I3

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN HAIWAN GRED G1 KEPADA PEMBANTU VETERINAR GRED G17

(Pegawai Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Selepas Tarikh Kuat Kuasa)

Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred G17

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2006
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April
Tarikh Lulus Peperiksaan Khas : 30 Jun 2006

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G1 (RM)	Gaji Baru GredG17 (RM)	Catatan
31.12.2005	695.02 (P1T7)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2006	695.02 (P1T7)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai kekal secara KUP dalam skim perkhidmatan asal.
1.4.2006	725.27 (P1T8)	-	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2006	725.27 (P1T8)	779.72 (P1T4)	Dipindahkan ke matagaji tertinggi berhampiran di P1 di Gred G17 sehari selepas memenuhi syarat lulus peperiksaan khas yang ditetapkan.
1.1.2007	-	819.65 (P1T5)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia.
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji.
KUP : Khas Untuk Penyandang

LAMPIRAN 14**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN HAIWAN GRED G1 KEPADA PEMBANTU VETERINAR GRED G17****(Pegawai Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Selepas Tarikh Kuat Kuasa)**

Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred G17

Tarikh Kuat Kuasa : **1 Januari 2006**
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : **1 Julai**
Tarikh Genap 15 Tahun Tempoh Perkhidmatan : **30 Jun 2007**

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G1 (RM)	Gaji Baru GredG17 (RM)	Catatan
31.12.2005	1035.03 (P3T15)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2006	1035.03 (P3T15)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai kekal secara KUP dalam skim perkhidmatan asal.
1.7.2006	1067.70 (P3T16)	-	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.7.2007	1067.70 (P3T16)	1139.09 (P1T13)	Dipindahkan ke matagaji tertinggi berhampiran di P1 di Gred G17 sehari selepas genap 15 tahun tempoh perkhidmatan.
1.7.2007	-	1192.33 (P1T14)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2008	-	1245.57 (P1T15)	TPG jawatan Baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia.
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji.
KUP : Khas Untuk Penyandang